

BAB TIGA

MASYARAKAT RUNGUS DI TEMPAT KAJIAN.

3.1 Pengenalan Umum


Menurut Encik Porodong Magilin, nama ‘Rungus’ yang digunakan **sebagai** panggilan kaum Rungus pada hari ini adalah berasal daripada nama seorang **yang bernama** Rungus. Si Rungus telah membina sebuah rumah dan tinggal di sebuah **tanjung berhampiran** pekan Kudat sebelum kedatangan penjajah (sebelum 1881). Nama **Rungus** ini akhirnya digunakan oleh kaum-kaum lain seperti Illanun, Bajau dan Suluk **yang tinggal** di sekitar pekan Kudat sebagai panggilan kepada orang lain yang mempunyai persamaan dengan si Rungus. Panggilan ‘Rungus’ ini akhirnya menjadi panggilan **rasmi** untuk merujuk kepada kaum Rungus pada hari ini.

Di Sabah, Kaum Rungus berada di bahagian Utara. Dua pertiga daripada **jumlah** mereka berada di Semenanjung Kudat dan bahagian Selatan Semenanjung Kudat. **Satu pertiga lagi** berada di Utara dan tengah Semenanjung Bengkoka. Kebanyakan **mereka** berada di Daerah Kudat diikuti oleh Daerah Pitas dan Kota Marudu.

Orang Rungus yang tinggal di Semenanjung Bengkoka sebenarnya berasal **dari Daerah** Kudat. Menurut Appell (1972) penghijrahan ini berlaku sebelum **kedatangan British** di Sabah iaitu pada 1881. Appell tidak menyatakan sebab penghijrahan tersebut tetapi menurut sumber pengkaji (melalui temuramah dengan Encik Musarang, 75 tahun) sebab utama penghijrahan tersebut ialah kerana berlakunya serangan perosak **belalang**.

PETA 2

**KEDUDUKAN SEMENANJUNG KUDAT DAN SEMENANJUNG
BENGOKA DI DAERAH KUDAT, SABAH**



(butu). Ancaman yang berlanjutan dan kerosakan tanaman ini menyebabkan ramai yang berhijrah menyeberangi Teluk Marudu untuk memulakan penghidupan baru. Pada mulanya mereka yang berhijrah ini berulang-alik ke Daerah Kudat untuk menemui saudara-maranya. Lama kelamaan mereka mengambil keputusan untuk menetap di Semenanjung Bengkoka. Maklumat ini agak mudah dibuktikan kerana hingga pada hari ini, jika diselidiki moyang sesebuah keluarga yang tinggal di Semenanjung Bengkoka, kita akan dapati moyang mereka berada di Daerah Kudat serta mereka mempunyai ramai saudara-mara di Daerah Kudat.

Pada hari ini, orang Rungus berada di seluruh Sabah samada kerana bekerja, belajar atau berkahwin dengan ‘orang luar’. Menurut kakitangan Protestant Church di Sabah di Kota Kinabalu dianggarkan lebih 3000 orang Rungus bekerja di Kota Kinabalu pada 1995. Terdapat juga segelintir yang berada di Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Brunei Darussalam samada untuk belajar (kecuali Brunei) atau bekerja.

Dari segi geografi, Banjaran Brooke yang menjadi tulang belakang Semenanjung Kudat telah mempengaruhi taburan petempatan mereka. Bentuk muka bumi ini dicorakkan oleh sungai dan anak sungai yang mengalir samada ke Laut Cina Selatan atau ke Teluk Marudu. Tumbuhan utama ialah hutan sekunder dengan kematangan yang berbeza-beza. (Appell, 1972). Terdapat juga kawasan lalang yang luas akibat intensiti pertanian pindah atau kebakaran hutan yang sering berlaku khususnya di Daerah Kudat pada musim kemarau. Kemarau biasanya berlaku pada bulan April hingga Ogos. Purata hujan tahunan di kawasan ini ialah di antara 2235 dan 2311 mm. di Daerah Kudat. Sementara di Daerah Pitas pula ialah di antara 2200 mm. di bahagian utara dan barat dan


3000 mm. di bahagian selatan dan timur daerah ini. Suhu minimum ialah 22°C dan suhu maksimum ialah 31°C. (Leur, M. Van, 1987: 15). (lihat lampiran 4)

Bahasa Rungus dikategorikan termasuk dalam ‘keluarga’ *Dusunic* iaitu sebahagian daripada kumpulan Austronesian di Indonesia Utara (Prentice, 1970). Di dalam bahasa Rungus itu sendiri terdapat empat kumpulan bahasa iaitu *Nulu*, *Gonsomon*, *Rungus*, *Pilapazan* dan *Gandahon*. Kumpulan-kumpulan bahasa ini hanya dapat dibezakan melalui cara penuturan kata-kata yang agak berlainan walaupun mempunyai maksud yang sama. Sebagai salah satu ‘keluarga’ bahasa Dusun maka bahasa kaum Rungus diiktiraf sebagai salah satu daripada lebih 40 ahli dalam Persatuan Kadazan Dusun Sabah. (Rujuk Peta 3)

Dari segi sejarah, kaum Rungus berada di bawah pengaruh Kesultanan Brunei dan ‘coastal Muslim’ di sepanjang pantai di Kudat. Pengaruh ini adalah dalam bentuk pengiktirafan kepada ketua-ketua kampung orang Rungus. Pada masa ini berlaku juga perhambaan yang dilakukan oleh Kerajaan Sulu di Selatan Filipina dengan menculik orang Rungus di tepi-tepi pantai. (Appell, 1972). Mungkin ini menjelaskan sebab utama kebanyakan Rungus tinggal di kawasan pedalaman atau di kawasan berbukit. Pemburuan kepala (head hunting) juga berlaku di antara kumpulan-kumpulan Dusun khususnya antara Rungus dan Dusun Lotud di daerah Tuaran. Amalan ini bagaimanapun dihentikan selepas kedatangan British pada 1881.

PETA 3
SUKU-SUKU KAUM DI SABAH

LANGUAGES OF SABAH
A list of the languages of Sabah
here is taken from the
section 'Article by David C.
Included in the Languages
of A Survey Report, edited
by K. King and John Wayne
Pacific Linguistics Series
78.



B8992 Kota Kinabalu, Sabah Malaysia (1984)

Kedatangan British diikuti dengan kemasukan orang Cina yang diambil bekerja sebagai buruh di ladang tembakau di bahagian selatan Teluk Marudu, Pulau Banggi, sekitar Daerah Kudat dan juga di daerah-daerah lain. (Appell, 1976). Penglibatan agresif orang-orang Cina dalam kegiatan perladangan telah menyebabkan banyak kawasan yang pada mulanya didiami oleh Kaum Rungus telah jatuh ke tangan orang Cina. Oleh kerana pada masa itu, pemilikan tanah adalah bersifat komunal (sistem pemilikan ini dibincangkan dengan lebih lanjut di Bab 4) maka tidak berlaku jual-beli di antara Rungus dan Cina kerana penyerahan sesuatu kawasan itu diputuskan dengan kebijaksanaan ketua kampung. Terdapat juga ketua kampung yang menerima bayaran sejumlah wang daripada orang Cina sebagai ‘saguhati’ memberikan sesuatu kawasan. Pengkaji juga diberitahu bahawa terdapat juga kes di mana ketua kampung memberikan sesebuah kawasan kepada orang Cina semata-mata untuk menunjukkan kekuasaannya kepada orang ramai.

Mubaligh Kristian dari Eropah mula masuk ke kawasan Rungus pada tahun 1950. Kemasukan mereka ini adalah melalui persefahaman dengan pentadbiran British. Selain daripada mengembangkan agama Kristian, mubaligh-mubaligh ini juga turut memperkenalkan tanaman jualan seperti kelapa dan getah. Galakan ini telah memulakan kesedaran untuk memiliki plot tanah sendiri. Para mubaligh juga menggalakkan orang-orang Rungus berusaha untuk memperolehi geran-geran tanah untuk mengesahkan dengan rasmi pemilikan mereka ke atas tanah. Agen perubahan ini telah memberikan kesan secara langsung kepada orang Rungus. Pemilikan tanah individu telah menggantikan pemilikan tanah cara komunal (dibincangkan di Bab 6). Selain daripada itu telah mula timbul idea-idea untuk mendirikan rumah di tanah sendiri dan bukan lagi

tinggal di rumah-rumah panjang. Kesan ini bagaimanapun berlaku pada kadar yang perlahan dan proses perubahan ini masih berlaku pada masa ini.

3.2 Organisasi Sosio-politik

Dalam masyarakat Rungus, terdapat tiga organisasi sosial yang penting iaitu keluarga domestik, rumah panjang dan kampung.

3.2.1 Keluarga Domestik

Bentuk perkahwinan dalam masyarakat Rungus adalah monogami. Poligami sangat jarang berlaku. Poligami dilakukan oleh lelaki yang berada atau mungkin seseorang itu terpaksa mengahwini iparnya kerana didapati berzina. Sekiranya poligami berlaku, isteri akan diasingkan dan tinggal di rumah yang berbeza walaupun dalam rumah panjang yang sama. Amalan berpoligami bagaimanapun dipandang negatif oleh kaum Rungus samada sebelum atau sesudah Kristian. Kemasukan agama Kristian kemudiannya menguatkan lagi ‘penentangan’ dan pandangan negatif terhadap amalan berpoligami dan sekaligus menguatkan amalan monogami yang merupakan bentuk perkahwinan yang telah sekian lama diamalkan.

Perkahwinan tradisional merupakan asas pembentukan keluarga. Perkahwinan melibatkan sejumlah berian atau hantaran daripada keluarga pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan. Ini adalah sebagai tanda terima kasih kerana membesarakan anak perempuan tersebut hingga menjadi wanita yang baik. Barang-barang hantaran itu juga bertujuan sebagai ‘pampasan’ kerana berakhirnya perkhidmatan anak perempuan itu kepada keluarganya. Nilai barang-barang hantaran dipengaruhi oleh beberapa faktor.

Pertimbangan-pertimbangan berikut akan menyebabkan hantaran akan bertambah mahal: Keluarga pihak lelaki agak berada; keluarga pihak perempuan agak berada; perempuan yang mahu dikahwini mempunyai banyak kemahiran terutama menenun, pihak lelaki nampaknya terlalu mahukan perempuan tersebut atau keluarga pihak perempuan sebenarnya kurang menerima atau menolak si lelaki. Hantaran secara relatifnya lebih rendah jika pertimbangan-pertimbangan itu berlaku sebaliknya.

Selepas melalui banyak peringkat dalam proses berkahwin, secara tradisionalnya lelaki akan tinggal selama semusim pengeluaran padi (setahun) dengan keluarga isterinya. Ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada si lelaki menyiapkan unit bilik di dalam rumah panjang keluarga lelaki atau keluarga perempuan (sekiranya salah satu pihak adalah dari kampung lain). Selepas berakhir tahun pertama mereka berkahwin, mereka bebas memilih untuk menetap di kampung lelaki atau kampung perempuan. Tidak ada bentuk petempatan yang rigid selepas berkahwin. Keselesaan hidup dan tersedianya kawasan untuk dibuka *tagad* atau kebun biasanya menjadi faktor utama yang mempengaruhi petempatan ini. Sebagai misalannya keluarga pihak perempuan sanggup memberikan bidang tanah kepada pasangan ini untuk diusahakan, maka si lelaki akan digalakkan untuk tinggal di kampung perempuan. Begitulah sebaliknya.

Jadual 3.1 menunjukkan petempatan perkahwinan di kawasan kajian. Dapat dilihat bahawa pasangan kelamin boleh memilih di sebelah pihak mana (suami atau isteri) mereka akan tinggal. Kedua-dua kawasan kajian bagaimanapun mempunyai kecenderungan untuk mengikut suami dengan jumlah keseluruhan yang mengikut suami ialah 19 (31.7%) berbanding dengan 12 (20%) yang mengikut isteri. Keinginan untuk

terus berada di sisi keluarga (ibu bapa pasangan) dan terhadnya kontak dengan masyarakat di luar lingkungan kampung menyebabkan pilihan untuk tinggal sekampung dengan ibu bapa masing-masing menjadi pilihan utama iaitu 28 atau 46.7% daripada keseluruhan responden. Amat jarang berlaku kes di mana pasangan kelamin adalah orang luar di kampung tersebut.

**Jadual 3.1
Petempatan Perkahwinan Pada 1996**

Petempatan Perkahwinan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tinggal dengan keluarga suami	7	23.3	12	40	19	31.7
Tinggal dengan keluarga isteri	5	16.7	7	23.3	12	20
Tinggal dengan keluarga suami/ Isteri (a)	18	60	10	33.3	28	46.7
Suami isteri merupakan 'orang luar'	-	-	1	3.3	1	1.7
Jumlah	30	100	30	100	60	100

(a) Keluarga suami dan isteri tinggal dalam kampung yang sama

Pasangan ini akan berkembang membentuk keluarga nukleus. Apabila pasangan ini tua dan tidak mampu lagi membuat pekerjaan yang berat maka adalah dijangkakan mereka akan tinggal dengan anak yang bongsu yang akan menjaga mereka hingga ke akhir hayat. Dalam hal ini anak bongsu akan memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa (hingga ke akhir hayat) kerana anak bongsu merupakan anak terakhir (dijangkakan) mendirikan rumah tangga. Selain daripada sebab ini anak bongsu juga dianggap tidak mempunyai tanggungan yang ramai berbanding dengan abang dan kakaknya yang telah berumahtangga lebih awal. Amalan ini tidak mengambilkira samada anak bongsu

berkenaan lelaki atau perempuan. Sebagai balasan kepada tanggungjawab yang **dipikul** oleh anak bongsu, ia akan menerima harta pusaka keluarga iaitu harta yang **boleh-** bolehnya akan dipertahankan supaya tidak terjual atau dijadikan sebagai berian **dalam** perkahwinan. Sementara itu, harta warisan yang lain akan dibahagikan kepada **semua** anak (termasuk anak bongsu) mengikut pertimbangan ibu bapa itu sendiri (dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian pemilikan dan pewarisan).

Perceraian tidak digalakkan sama sekali walaupun suami isteri berhak **meminta** cerai. Sekiranya perceraian berlaku, anak-anak akan diminta memilih untuk **mengikut** salah satu pihak dan boleh juga berkecuali. Pihak isteri biasanya akan membawa **anak-** anaknya ke rumah ibu bapanya. Manakala pihak suami biasanya lebih ‘**bebas**’ menentukan masa depannya. Harta keluarga akan dibahagi sama rata **sekiranya** perceraian itu adalah atas permintaan kedua-duanya.

Sekiranya salah satu pihak didapati bersalah dalam perceraian tersebut **maka** pihak yang tidak bersalah akan mendapat lebih banyak harta. Perbicaraan kampung **akan** dijalankan untuk mengadili kes perceraian tersebut. Individu yang hadir dan menjalankan perbicaraan tersebut ialah ketua-ketua kampung iaitu ketua kampung (Penghulu kampung berkenaan, ketua kampung, kampung asal suami (jika berkenaan), ketua kampung, kampung asal pihak isteri (jika berkenaan), ketua kampung, kampung berdekatan (kehadiran tidak diwajibkan) serta tokoh-tokoh masyarakat setempat. Selepas perbicaraan dijalankan secara panjang lebar, ketua kampung di mana pasangan yang bercerai tersebut kali terakhir tinggal bersama akan menjatuhkan kata putus yang mana akan menentukan pihak yang bersalah serta ganti rugi yang perlu dibayar. Bagaimanapun, biasanya **setiap**

perbicaraan yang melibatkan perceraian akan sentiasa dimulakan dengan usaha memujuk pasangan untuk berdamai. Perceraian dianggap sebagai jalan terakhir dan seboleh-bolehnya akan dilakukan.

Sekiranya berlaku kematian pasangan, maka keizinan perlu diperolehi daripada ‘bekas’ bapa mertua sebelum berkahwin lagi. Keizinan biasanya diberikan. Sekiranya isteri yang meninggal dan mendiang mempunyai adik perempuan yang belum berkahwin maka adalah diharapkan agar si suami ‘memberikan pertimbangan sewajarnya’ kepada adik iparnya.

3.2.2 Rumah Panjang

“Almost universally in Borneo it is believed by those who have not live in a longhouse that it is a form of communal organisation... This is absolute rubbish...”

(Appell, 1986)

“The longhouse is a far more advanced concept than is usually found in most apartment houses”.

(Appell, 1986)

Rumah panjang merupakan satu lagi unit politik yang terbentuk hasil gabungan beberapa keluarga. Menurut Encik Porodong Magilin, pernah berlaku pada 1949, rumah panjang di Kg. Hobut (berdekatan dengan Kg. Tinangol) mempunyai sebanyak 120 buah keluarga. Menurut beliau lagi, rumah panjang kaum Rungus didirikan atas dua sebab iaitu untuk tujuan keselamatan dan sebagai satu tanda perpaduan yang kuat. Dengan mendirikan rumah panjang, mereka dapat bekerjasama mempertahankan kampung mereka daripada ancaman luar seperti pemburu kepala. Apabila menghadapi ancaman, para pemuda yang berani akan menjaga kedua-dua pintu masuk ke rumah panjang (di

hujung-hujung rumah panjang). Golongan wanita, orang tua dan kanak-kanak akan berada di bahagian tengah rumah panjang di mana kediaman *voozoon* (ketua kampung) terletak.

Tiap-tiap keluarga mempunyai unit yang tersendiri yang bersambung dengan unit-unit lain. Pintu masuk dan tangga utama terletak di kedua hujung rumah panjang. Secara tradisionalnya, penghuni-penghuni rumah panjang mempunyai hubungan kekeluargaan di antara satu sama lain.

Apabila sebuah rumah panjang dibina, secara tradisinya kedua-dua hujungnya akan terletak pada paksi timur dan barat dan *tingkang* di bahagian luar (*tingkang* ‘A’) mesti menghala ke arah Gunung Kinabalu kerana Gunung Kinabalu dipercayai menjadi tempat tinggal roh-roh nenek moyang yang sudah meninggal.

Jika rumah panjang berkenaan didirikan di tapak yang ideal (*osogit* atau sejuk), maka kematian, wabak penyakit, pergaduhan sesama isi rumah dan ternakan sakit sangat jarang berlaku. Dalam kes ini, rumah panjang tersebut akan didiami untuk jangka waktu yang lama sehingga 30 tahun. Sebaliknya jika tapak tersebut didapati tidak sesuai (*orompui* atau bermasalah) tapak rumah panjang yang baru akan segera dicari setelah pemimpin-pemimpin setempat sepandapat bahawa tapak yang didiami sekarang adalah bermasalah. Satu lagi faktor yang sangat mempengaruhi perpindahan penghuni rumah panjang ke tempat yang baru ialah apabila pemimpin masyarakat setempat (seperti ketua kampung dan *bobolizan*) mendapat mimpi yang dipercayai sebagai petunjuk tapak yang didiami pada masa itu tidak sesuai atau bermasalah.


Pada hari ini masih ramai yang menjadi penghuni di rumah panjang. Di kawasan kajian didapati di antara 60% ke 70% penduduk tinggal di rumah panjang. Bagaimanapun semakin ramai yang memiliki rumah persendirian.

Berdasarkan Jadual 3.2, kesimpulan yang dapat dibuat ialah kehidupan tinggal di rumah panjang masih menjadi pilihan penting bagi penduduk di kedua-dua kawasan kajian. Bagi penduduk di Kg. P/R/B, bantuan rumah panjang yang diberikan semasa Kerajaan BERJAYA (25 unit bilik) tidak dapat menampung penduduk di kawasan ini khususnya di Kg. Panudahan Jambu. Selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) mengambil alih kuasa kerajaan negeri, mereka juga telah membina sebuah lagi rumah panjang untuk penduduk di Kg. Buranak sebanyak 20 unit bilik. Rumah panjang yang dibina di Kg. Buranak bagaimanapun berada dalam keadaan yang agak uzur dan hampir separuh penghuninya telah meninggalkan rumah panjang tersebut dan mendirikan rumah di sekitar kampung berkenaan di tanah milik persendirian.

**Jadual 3.2
Jenis Rumah Yang Didiami
Penduduk Pada 1996.**

Jenis Rumah	Kg. Tinangol Bil.	%	Kg. P/R/B Bil.	%	Jumlah Bil.	%
Rumah Panjang	26	86.7	20	66.7	46	76.7
Rumah Sebuah	4	13.3	10	33.3	14	23.3
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Rajah 2
Pelan satu unit bilik dalam rumah panjang tradisional



<u>Petunjuk</u>	<u>Tempat</u>	<u>Peranan/kegunaan</u>
A	<i>Tingkang</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat berkraftangan, membaiki peralatan, anak lelaki tidur, menyambut tetamu, aktiviti sosial. - Tangga persendirian untuk urusan ternakan (memberi makan, minum, mengandang dan sebagainya).
B	<i>Lansang</i>	<ul style="list-style-type: none"> - laluan umum, menumbuk padi, memotong kayu, aktiviti sosial.
C	<i>Ropuhan</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Menyimpan peralatan dapur, makanan dan tempat kayu api.
D	<i>Lansang</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Ruang makan
E	<i>Tingkang</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat tidur kelamin, anak perempuan dan anak kecil, tempat menyimpan barang peribadi.
F1/F2	<i>Salow</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan basah, tempat air (F2), tempat mengasah parang (F1), tempat membasuh peralatan, bahan makanan (F1/F2)

Nota: Selain daripada ruang yang dinyatakan, terdapat juga ruang penyimpanan di atas (bawah bumbung) dipanggil *abai*. Tempat ini berfungsi sebagai stor. Barang yang biasa disimpan di sini ialah peralatan kebudayaan, jagung tua, senjata tradisi dan barang-barang yang jarang digunakan.

Bantuan rumah panjang yang diberikan oleh pemerintah menyebabkan agak ramai penduduk yang mempunyai rumah lebih daripada satu. Mereka biasanya mendirikan rumah mereka di tanah milik persendirian tetapi dalam masa yang sama mengekalkan hak mereka ke atas rumah yang diberikan oleh pemerintah. Keadaan ini dijelaskan dalam jadual berikut;

Jadual 3.3
Pemilikan Rumah Kedua Bagi Petani Pada 1996

Rumah Kedua	Kg. Tinangol Bil.	Kg. Tinangol %	Kg. P/R/B Bil.	Kg. P/R/B %	Jumlah Bil.	Jumlah %
Ada	11	36.7	8	26.7	19	31.7
Tiada	19	63.3	22	73.3	41	68.3
Jumlah	30	100	30	100	60	100

3.2.3 Kampung

Secara tradisinya, setiap kampung mempunyai sempadan di antara satu sama lain. Sempadan ini berpandukan sungai atau anak sungai, puncak bukit, pokok yang besar, batu besar dan tanda-tanda semulajadi yang lain. Idealnya setiap kampung mempunyai sebuah rumah panjang. Jumlah penduduk setiap kampung adalah di antara 50 hingga 800 orang.

Hanya penduduk sesebuah kampung yang berhak untuk membuka *tagad* di kawasan simpanan kampung tersebut. Orang luar perlu meminta kebenaran daripada ketua kampung sekiranya mahu berbuat demikian. Sekiranya ‘orang luar’ berkenaan

tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan mana-mana penduduk kampung tersebut (menantu misalnya), maka kebenaran biasanya tidak diberikan.

Setiap kampung mempunyai seorang ketua kampung (*vozoon*: maksud sebenar ‘*vozoon*’ ialah seorang yang ‘matang’ iaitu matang dalam hal-ehwal adat-istiadat, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, bijak, berlaku adil serta mendapat kepercayaan anak buahnya). Biasanya berita mengenai kebolehan dan kebijaksanaan *vozoon* dalam hal adat-istiadat sudah cukup untuk melindungi anak buahnya daripada cuba dianiyai oleh orang luar.

Adat-istiadat yang digubal berdasarkan kepercayaan dan kebudayaan menjadi alat kawalan sosial yang paling penting dalam kehidupan tradisional orang Rungus. Adat istiadat ini diperkuuhkan menerusi sosialisasi dan penguatkuasaan. Pengukuhan ini memberi jaminan kehidupan bermasyarakat di dalam dan di luar kampung terpelihara.

3.3 Institusi Ekonomi

3.3.1 Pertanian dan Ternakan

“The Rungus a superb farmer, probably the best in all of Borneo. Their agricultural surpluses surpass those of the Iban, and those of the other group that I know about”.

(Appell, 1986)

Keluarga menjadi unit pengeluaran asas. Ahli-ahli keluarga menyumbangkan tenaga dan dalam masa yang sama mereka adalah pengguna utamanya. Hasil pertanian yang utama ialah padi bukit yang ditanam di *tagad*. Hasil pertanian sampingan adalah

seperti jagung, ubi, sayur-sayuran, pisang, tebu dan tanaman-tanaman jangka pendek yang lain. Pada hari ini, kelapa menjadi tanaman jualan yang paling penting. Kelapa dijual samada secara dikeringkan (kopra) atau secara biji. Semasa kajian dibuat didapati lebih ramai yang menjual secara biji (kelapa tua) kerana ia lebih menjimatkan masa dan tenaga. Harga kelapa tua sering berubah di antara 10 sen ke 20 sen sebiji. Peralatan pertanian yang biasa ialah parang (untuk menebas dan kerja-kerja am), parang pendek untuk merumput, alat menuai dan bakul padi.(lihat plat 21)

Terdapat juga sebilangan kecil yang menanam padi sawah. Tidak dapat dipastikan bagaimana orang Rungus belajar menanam padi sawah. Menurut Appell (1972), mereka telah diajar oleh mubaligh Kristian yang pernah berkhidmat di Hong Kong dan mereka mempunyai pengetahuan tentang penanaman padi sawah di sana. Selain itu orang Rungus melihat sendiri bagaimana orang Cina di Kudat yang kebanyakannya juga berasal dari Guangdong, China (Hill, 1990) menanam padi sawah. Bagaimanapun Appell (1986) menyatakan pula bahawa orang Rungus mempelajari teknik menanam padi dari daerah Kota Belud kira-kira 60 tahun yang lalu.

Jadual 3.4 menunjukkan bahawa hanya 12 (20%) penduduk di kawasan kajian yang memiliki tanah sawah dengan purata keluasan 3.1 hektar. Keadaan muka bumi yang berbukit-bukau di kedua-dua kawasan kajian menjadikan aktiviti bersawah bukanlah satu aktiviti yang dijalankan secara menyeluruh. Bagaimanapun bagi mereka yang memiliki tanah sawah, penghasilan padi mereka pada keseluruhannya lebih baik kerana mereka boleh menyesuaikan benih padi yang ditanam di sawah (samada jenis yang cepat masak atau lambat masak) bergantung kepada agihan masa bekerja di *tagad*.

Menternak binatang seperti ayam, babi dan kerbau juga dijalankan. Jika mengikut amalan tradisional, tujuan utama memelihara binatang ini (terutama ayam dan babi) adalah untuk tujuan pemujaan dan untuk *sogit* (menyejukkan) sekiranya berlaku sesuatu yang dianggap boleh mendatangkan kemarahan roh-roh halus (seperti pergaduhan yang melibatkan pertumpahan darah, bercakap lucah dan perkahwinan antara sepupu pertama, kedua dan ketiga). Binatang-binatang ini juga digunakan sebagai makanan utama dalam acara-acara rasmi seperti majlis perkahwinan, pesta menuai, mengingati kematian seseorang (*lumuvas*) dan pada hari kematian iaitu sebagai tanda perpisahan kepada si mati. Selain daripada itu, binatang ternakan ini juga sering digunakan sebagai sebahagian daripada hantaran perkahwinan pihak lelaki kepada pihak perempuan.

Jadual 3.4
Pemilikan Tanah Sawah Pada 1996

Pemilikan Sawah	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bl.	%
Tiada Sawah	26	86.7	22	73.3	48	80
Ada Sawah	4	13.3	8	26.7	12	20
Jumlah Luas (hektar)	14.8		22.2		37	
Peratus luas keseluruhan ^(a)	6.6%		6.5%		6.56%	
Luas sawah/bil. pemilik (hektar) ^(b)	3.7		2.8		3.1	
Jumlah	30	100	30	100	60	100

^(a)Peratus daripada luas keseluruhan tanah (termasuk tanah berbukit) yang dimiliki oleh responden.

^(b) Purata keluasan sawah yang dimiliki oleh pemilik tanah sawah.

Binatang ternakan ini ‘bukan untuk dijual’ terutama babi dan ayam jika mengikut amalan tradisi. Bagaimanapun pada hari ini memelihara ternakan untuk dijual seperti kambing, itik, kerbau, lembu dan termasuk babi dan ayam adalah perkara biasa.

3.3.2 Pemilikan dan Pewarisan

Secara tradisi, hanya barang-barang kebudayaan sahaja yang dianggap ‘harta’ persendirian *dapu*. Tanah dan rumah tidak dianggap sebagai harta persendirian. Walau bagaimanapun tanaman jangka panjang terutama buah-buahan seperti mangga, ‘tarap’ dan sebagainya boleh diwariskan dengan syarat pemilik dapat membuktikan tanaman tersebut adalah hasil titik peluhnya atau nenek moyangnya. (Perbincangan lanjut mengenai pemilikan tanah dibuat di Bab 4).

Barang-barang kebudayaan yang dianggap sebagai harta persendirian ini boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu:

- (a) Peralatan paluan (pelbagai jenis gong seperti *sandangau*, *soludon*, *pompo*, *tavag*, *kokoritikon* dan *tontog* -sejenis gendang);(lihat plat 6)
- (b) Peralatan menyimpan (*kampil/Salapa* - bekas pinang, sirih dan peralatan memakan pinang, *longguvai* - bekas menyimpan peralatan peribadi, *sumbul* - bekas menyimpan peralatan peribadi);(lihat plat 7)
- (c) Peralatan tembikar (*gumoroi* - tempayan, bekas air, tapai atau jeruk tradisi, *panding* - tempayan besar, tempat menyimpan air, *sabpa* - tempayan kecil, biasanya untuk bekas jeruk dan tapai, *pasu* - pasu besar, bekas air, *mangkuk* - bekas makanan).

- (d) Kelengkapan pakaian tradisi (*badu* - baju lelaki, *banat tapi* - baju dan 'skirt' wanita, *hokos* - kain yang diikat di pinggang, *sigal* - kain yang diikat di kepala lelaki, *orot lobokon* - tali tembaga dan hiasan tembaga yang dililitkan di pinggang wanita, *sandang* - kalung manik yang disangkut di bahu, *togkol* - kalung leher tradisional, *tinggol* - kalung leher manik, *lungkaki* - hiasan yang dipasang di kaki berbentuk spring.
- (Lihat plat 8)

Harta seperti ini akan diwariskan kepada anak-anak dengan mempertimbangkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Jantina

Untuk peralatan bersifat gender.

- (b) Sumbangan anak

Secara idealnya, pembahagian harta akan mengambilkira sumbangan seseorang anak dalam pengumpulan harta tersebut. Dalam hal ini, anak sulung akan menerima harta yang paling banyak dan seterusnya. Walau bagaimanapun oleh kerana anak bongsu akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga ibu bapa sehingga akhir hayat mereka, maka anak bongsu akan mendapat kebanyakan harta pusaka keluarga tersebut iaitu harta yang seboleh-bolehnya tidak akan dijual atau dijadikan berian perkahwinan. Anak bongsu juga berkemungkinan besar akan turut mewarisi rumah keluarga berkenaan. Manakala harta-harta peninggalan yang lain akan dibahagikan kepada anak-anak yang lain mengikut budi bicara ibu bapa.

- (c) Ibu bapa juga akan mengambil kira sifat anak. Misalnya anak tersebut didapati tidak berminat menyimpan (sebaliknya mungkin berminat menjual) barang kebudayaan maka dia akan mendapat barang-barang yang kurang berharga kerana biasanya ibu bapa tidak mahu harta warisan itu berpindah milik begitu sahaja kecuali pada waktu kecemasan.

Pada hari ini, amalan pemilikan tanah persendirian menyebabkan tanah juga menjadi satu bentuk barang yang boleh diwariskan. Pertimbangan-pertimbangan di atas juga digunakan untuk mewariskan tanah. Bagaimanapun sekiranya bidang tanah tidak mencukupi untuk semua anak maka keutamaan akan diberikan kepada anak lelaki kerana diandaikan anak perempuan akan mempunyai tanah apabila berkahwin nanti.

3.3.3 ‘Tamu’ (Pasar Mingguan)

“... maka Sultan pun melakukan cadangan pemuda Rungus tersebut iaitu mendirikan tempat-tempat perjumpaan di kuala-kuala sungai untuk memberikan peluang kepada orang di laut (nelayan) berjual beli dengan orang di darat (petani)... untuk bertukar-tukar hasil masing-masing...”

(Dipetik daripada cerita Encik Jurubasah Mosindul,
Kg. Buranak, Kudat).

‘Tamu’ yang bermaksud bertemu telah menjadi amalan tradisional masyarakat di Sabah. Di Daerah Kudat sahaja, pasar mingguan ini berlangsung setiap hari pada tempat-tempat yang berlainan. Sejak dari dulu lagi *tamu* menjadi tempat yang amat penting untuk para petani dan nelayan memasarkan hasil masing-masing. Sebelum matawang digunakan secara meluas aktiviti jual-beli di *tamu* dilakukan secara ‘tukar barang’ (barter trade). Ikan segar ditukar dengan sayur, pisang ditukar dengan ikan kering, tebu ditukar

dengan garam dan sebagainya. Hingga pada hari ini *tamu* masih mengekalkan peranannya kepada menyediakan tempat pemasaran hasil-hasil pertanian dan perikanan serta barang-barang runcit, kraftangan, minuman tradisi, hasil hutan dan sebagainya. Dengan perkataan lain, *tamu* telah menjadi satu sumber untuk mendapatkan tunai bagi pengeluar khususnya orang-orang kampung yang hanya dapat mengeluarkan hasil mereka dalam jumlah yang kecil. Meningkatnya keperluan tunai di luar bandar akibat tuntutan-tuntutan semasa seperti persekolahan anak, tambang perjalanan ke hospital, keperluan harian dan sebagainya telah menyebabkan *tamu* semakin penting sebagai tempat pemasaran hasil-hasil keluaran luar bandar.

Di samping menyediakan pasaran, *tamu* juga menyediakan tempat berinteraksi kepada pelbagai latar belakang suku kaum. Interaksi yang sihat dan berterusan ini menjamin kehidupan harmoni sesama mereka terpelihara.

3.4 Kepercayaan Tradisional dan Kristianisasi

“The traditional religion is one of the most remarkable cultural achievements of the Rungus”.

(Appell, 1986)

Kepercayaan tradisional dalam masyarakat Rungus merupakan satu bentuk kawalan sosial yang paling kuat. Kepercayaan tradisional malah menjadi asas terpenting pembentukan sistem adat dan pantang-larang. Menurut Appell (1986) kepercayaan ini memastikan masyarakat Rungus (tradisional) dapat mengintegrasikan diri mereka dengan alam sekitar dan di antara sesama individu. Kepercayaan ini juga memelihara tingkah laku dan moral pada tahap yang paling tinggi. Selain daripada itu, kepercayaan ini juga

melibatkan ‘aesthetic sense’ yang boleh membawa ketenangan kepada penganutnya.

(Appell, 1986)

3.4.1 Alam ‘Supernatural’

Menurut Appell (1976, 1986), sistem kepercayaan Rungus membahagikan kuasa ‘supernatural’ kepada tiga elemen iaitu *Minamangun* (pencipta atau ‘the supreme god’), *Rogon* (roh jahat yang menyebabkan penyakit/sakit, kematian dan bencana lain) dan *hatod* (ada dua jenis iaitu *hatod* atau roh manusia dan satu lagi iaitu *hatod atau* roh yang baik).

Minamangun berperanan sebagai pencipta alam semesta. Peranannya selepas penciptaan itu ialah menentukan perjalanan hidup seseorang sejak kelahirannya hingga kematian individu tersebut. *Minamangun* tinggal di lapisan ketujuh syurga (uppermost of the seven layers of heaven). Doa dan segala permintaan ditujukan kepada *minamangun*.

Rogon adalah roh yang bertanggungjawab menyebabkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku seperti sakit, kematian, bencana, sesat, anak tidak berhenti menangis dan sebagainya. *Rogon* yang jahat berada jauh dari kawasan petempatan seperti di gua, batu yang besar, punca anak air, pokok besar dan sebagainya. Biasanya, tiap-tiap kampung mempunyai satu (atau lebih) tempat yang dipercayai sebagai tempat tinggal *rogon*. Terdapat juga *rogon* yang berada dalam rumah seperti di dapur, tempat menyimpan makanan, peralatan dalam rumah, di bumbung, tangga dan sebagainya. *Rogon* dalam rumah bertanggungjawab ‘menjaga’ tempat dan peralatan tersebut supaya sentiasa dihormati dan mudah ‘marah’ jika penghuni rumah tidak menghormatinya.

Apabila diganggu atau tidak dihormati *rogon* akan mlarikan ‘roh’ seseorang dan menyiksanya. Ini menyebabkan orang itu sakit. Apabila perkara ini berlaku, persesembahan korban dengan menyembelih sejumlah ayam dan/atau babi dilakukan (jumlah ditetapkan oleh *bobolizan*) kemudian dipersembahkan di tempat tinggal *rogon* di luar kawasan petempatan itu (pokok besar, batu besar dan sebagainya) kerana dipercayai ‘roh’ orang yang sakit itu telah dibawa ke sana. Darah dan nyawa binatang yang disembelih itu adalah satu persembahan simbolik yang membawa maksud ‘mengambilalih tempat’ individu yang menyebabkan kemarahan *rogon* tersebut.

Hatod ialah ‘roh’ yang membawa manusia ke alam mimpi. Roh ini sering menjadi mangsa *rogon* samada diculik, diseksa, dipermainkan dan sebagainya. Maksud *hatod* yang kedua ialah ‘roh’ baik yang menjaga hasil tanaman terutama padi. *Hatod* padi misalnya mudah tersinggung dan akan meninggalkan padi yang dijaganya andainya ia tidak dihormati. Oleh itu perkara seperti menuai padi sebelum masak, mula menuai di tengah *tagad* (sepatutnya bermula dari tepi) dan menjerit di *tagad* adalah antara perkara yang harus dielakkan supaya tidak mengganggu ‘penjaga’ padi.

3.4.2 *Bobolizan* (Spirit Medium)

Bobolizan ialah seorang wanita yang tahu dan faham keadaan alam supernatural (female spirit medium). Hanya kaum wanita sahaja yang boleh menjadi seorang *bobolizan* kerana mengikut kepercayaannya ‘jiwa’ wanita lebih halus dan mudah berhubung dengan alam supernatural. Idealnya, seorang yang bergelar *bobolizan* perlu mengetahui dan menghafal semua jenis mantera untuk memudahkannya berada dalam keadaan ‘trance’. Sekiranya ia tersalah atau terlupa sesuatu mentera ia akan merasa

penat atau pengsan dan tidak dapat meneruskan sesuatu upacara itu. Ada juga lelaki yang tahu mengenai mentera-mentera tersebut tetapi lelaki tidak akan mengalami ‘trance’ dan dia tidak dapat berhubung dengan alam supernatural. *Bobolizan* akan memberitahu tentang permintaan *rogon* kepada orang ramai sebelum upacara penyembahan korban dilakukan. Individu yang terlibat biasanya akan bergolok-bergadai untuk menunaikan permintaan itu.

Peranan lelaki dalam upacara-upacara penyembahan korban samada di rumah atau di luar rumah ialah *migara'lo* iaitu menyediakan kayu api, air, mengambil daun pembungkus nasi, membina tempat upacara dan kerja-kerja lain yang lebih tertumpu kepada peringkat penyediaan.

Bobolizan merupakan status sosial tertinggi yang boleh dicapai oleh wanita tradisional memandangkan monopoli pihak lelaki dalam kepemimpinan kampung sukar digugat. Oleh itu ramai anak gadis akan berusaha untuk menjadi seorang *bobolizan*. Bagaimanapun cita-cita seperti ini tidak mudah dicapai. Calon-calon perlu menghafal semua mantera (*rinait*) yang bertujuan untuk menjalankan berpuluhan-puluhan ritual seperti menyembuhkan orang sakit, membuat persembahan korban, memulakan musim menanam padi, memberkati perkahwinan, menguji tapak baru rumah panjang, menjalankan ritual pesta menuai, memperingati kematian dan sebagainya. *Rinait* ini berbeza-beza panjangnya, ada yang selesai dalam tempoh beberapa minit dan ada yang berlanjutan hingga satu atau dua hari. Calon-calon juga perlu mengetahui pelbagai kesusasteraan tradisional yang terdiri daripada lagu-lagu tradisional yang terdiri daripada berbagai jenis dan kegunaan. Untuk menjadi seorang *bobolizan* yang lengkap dan mahir,

seseorang perlu belajar tidak kurang 35 tahun dengan menjadi pembantu kepada bobolizan yang sudah mahir. Jangka waktu dan kesukaran untuk menguasai bidang ini menyebabkan hanya mereka yang betul-betul berminat dan berbakat yang mampu mencapai tahap tertinggi.

Wanita yang ideal menjadi seorang *bobolizan* mempunyai daya ingatan yang tinggi, bijak berkata-kata, mempunyai daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai peluang untuk memerhati, belajar dan membantu dalam ritual. Dalam hal ini anak seorang *bobolizan* mempunyai kelebihan berbanding dengan calon-calon yang lain.

3.4.3 Kematian, Jiwa (soul) dan Alam Baka daripada Perspektif Tradisional

Kematian dianggap sebagai satu proses peralihan ke alam yang baru. Apabila seseorang mati, ahli keluarga akan memakaikan si mati dengan pakaian tradisional yang lengkap. Ini bertujuan untuk menghormati si mati dan juga dengan berbuat demikian si mati akan dihormati juga di tempat tinggalnya yang baru. Kemampuan anak-anak si mati untuk memberikan pakaian terutama pakaian kepala (head-gear), juga menunjukkan sejauhmana si mati telah berjaya mengasuh anak-anaknya menjadi orang yang ‘berada’.

Selepas ditatap oleh ahli keluarga, saudara-mara dan orang ramai selama lebih kurang satu hari, upacara pengkbumian akan dijalankan. Mayat akan dimasukkan dalam bekas kayu bagi orang yang kurang berada. Bagi yang berkemampuan, mayat akan dimasukkan dalam tempayan yang besar kemudian ditutup dengan kayu atau gong mengikut kemampuan dan status sosial seseorang. Jenazah kemudian akan diturunkan di bahagian hadapan rumah panjang (tidak diturunkan melalui tangga utama kecuali si mati

tinggal di hujung rumah panjang) untuk mengurangkan ‘gangguan’ kepada rumah panjang tersebut.

Liang lahad mestilah selari dengan paksi timur dan barat. Apabila memasukkan jenazah, kepala hendaklah berada di sebelah timur. Ini bertujuan untuk memudahkan *hatod dot inan* (jiwa tubuh) untuk ‘bangun’ mengikut pergerakan matahari. Semasa menimbus, semua yang hadir digalakkan memasukkan tanah sebagai tanda mengucapkan selamat jalan kepada si mati. Wanita yang sedang mengandung atau baru bersalin tidak dibenarkan menyertai upacara pengkebumian kerana dikhuatiri kandungan atau anak wanita tersebut akan dijangkiti oleh penyakit si mati. Orang yang terlibat dengan ritual *mamasi* (ritual ‘menyembuhkan’ orang sakit) tidak dibenarkan berada dalam upacara pengkebumian kerana dua upacara ini adalah bertentangan antara satu dengan yang lain.

Tiap-tiap manusia yang dilahirkan dipercayai mempunyai sembilan jiwa yang terdiri daripada tiga jenis iaitu satu jiwa di kepala yang dipanggil *lugu*, satu jiwa tubuh dipanggil *hatod dot inan* (jiwa tubuh) dan tujuh di sendi utama dipanggil *hatod dot piuhalan* (jiwa sendi) yang terletak di sendi-sendi utama iaitu kedua-dua pergelangan kaki, kedua-dua lutut, pinggang dan kedua-dua bahu.

Lugu adalah jiwa yang diberi oleh *minamangun* (pencipta). Jiwa inilah yang menentukan nyawa seseorang. Apabila seseorang itu mati, jiwa ini dipercayai akan kembali atau diambil semula oleh *minamangun*. Jiwa ini kemudiannya akan menjadi *lumaag* (seperti malaikat) dan berperanan sebagai ‘orang tengah’ atau penghubung di antara *bobolizan* dan *minamangun*. Selain daripada itu *lumaag* juga berperanan sebagai

‘pemberi maklumat’ atau ‘utusan’ *minamangun*. Walau bagaimanapun tidak semua *lugu* akan menjadi *lumaag* dan ini ditentukan oleh ‘prestasi’ individu tersebut dalam hubungannya dengan masyarakat semasa hayatnya. Hanya individu yang ‘baik’ tingkah lakunya akan dipilih menjadi *lumaag*. *Lugu* yang tidak dipilih ini bagaimanapun akan menjadi *rogon* yang baik. *Lumaag* juga dipilih daripada kalangan *rogon* yang menjadi baik. (Lihat keterangan *rogon*).

Hatod dot inan pula merupakan jiwa yang dipercayai penguasa keseluruhan tubuh. Jiwa ini dipercayai keluar daripada tubuh semasa tidur (bermimpi). Ini menyebabkan jiwa ini sering menjadi mangsa hantu atau syaitan yang menyebabkan seseorang itu sakit. Upacara penyembuhan perlu dilakukan oleh *bobolizan* untuk mendapatkan semula jiwa yang menjadi mangsa (diculik, diseksa atau dipermainkan) hantu atau syaitan. Upacara penyembuhan yang sering digunakan ialah menjalankan pengorbanan sejumlah binatang ternakan bergantung kepada keadaan orang yang sakit serta saranan *bobolizan*. Setelah seseorang itu meninggal, si mati akan dipakaikan dengan pakaian yang elok serta diberikan bekalan makanan dan peralatan seperti parang, pinggan dan mangkuk untuk memudahkan penghidupannya di alam baru nanti. Jiwa ini dipercayai akan berangkat dan tinggal di kaki Gunung Kinabalu.

Keberangkatan ini berlaku hanya selepas upacara *mongukas* dilakukan iaitu upacara memperingati kematian seseorang yang dilakukan setahun (atau semusim pengeluaran padi) selepas orang tersebut meninggal. Upacara ini bertujuan untuk mengucapkan ‘selamat jalan’ kepada jiwa simati yang akan berangkat ke kaki Gunung Kinabalu. Jika upacara ini tidak dilakukan, jiwa tersebut tidak akan dapat meneruskan

perjalananya dan dikhuatiri akan mengganggu ahli keluarganya yang terdekat. Apabila berada di kaki Gunung Kinabalu, jiwa ini akan mengalami proses penuaan sebanyak tujuh kali. Tiap-tiap kali jiwa tersebut tua (seperti manusia), jiwa tersebut akan mandi di sebuah kolam yang menyebabkan ia menjadi muda semula. Proses ini berlaku sebanyak tujuh kali (tujuh kali muda dan tujuh kali tua). Pada mandian kali yang kelapan, jiwa ini akan hancur dan berubah menjadi serangga dan kembali kepada alam sekitar.

Tujuh *hatod dot piuhalan* (jiwa sendi) yang terletak di sendi-sendi utama merupakan punca ‘kekuatan’ sendi-sendi tersebut. Jiwa ini juga sering menjadi mangsa *rogon* (hantu dan syaitan) terutama apabila seseorang itu semakin tua. Ini menjelaskan sebab berlaku kesakitan pada sendi-sendi apabila seseorang itu semakin tua. Apabila seseorang sangat tua, dia mungkin tidak dapat berjalan lagi atau tidak mampu melakukan apa-apa lagi (hanya berbaring). Ini disebabkan semua jiwa sendinya telah ‘dimakan’ oleh *rogon*. Jika seseorang itu mati pada usia yang masih muda, jiwa yang belum ‘dimakan’ oleh *rogon* akan bertukar menjadi *bubuha* iaitu roh orang mati yang berkeliaran dan sering mengganggu manusia. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, liang lahad haruslah tidak ditinggalkan sebaik sahaja mula mengorek (lubang) sehingga jenazah dimasukkan dan ditimbus semula. Dikhuatiri bahawa jiwa-jiwa lain (termasuk jiwa tumbuhan hidup seperti daun hijau) akan masuk ke dalam liang lahad tersebut dan akan membantu ‘melepaskan’ jiwa-jiwa sendi yang masih hidup tersebut.

Rogon pada umumnya dianggap sebagai jahat kerana menyebabkan penyakit, pergaduhan, bencana, kecacatan, kecederaan dan sebagainya. Terdapat dua jenis *rogon* iaitu yang tinggal dalam rumah manusia (in-door) dan tinggal di luar rumah (out-door).

Rogon yang tinggal di luar rumah mungkin tinggal dalam benda atau tempat seperti batu, kayu, sungai, tanah, gua, lubang kayu, atas bukit dan sebagainya. *Rogon* yang berada di luar rumah adalah lebih jahat terhadap manusia kerana hubungan mereka dengan manusia adalah terbatas. *Rogon* yang tinggal dalam rumah pula berada dalam rumah tinggal dalam peralatan rumah dan tempat tertentu dalam rumah seperti di dapur, tangga, tempat meletak air (*salow*), tempat simpanan barang, bawah rumah, lantai, bumbung dan sebagainya. *Rogon* dalam rumah lebih baik hubungannya dengan manusia tetapi amat sensitif apabila benda atau tempat ‘jagaannya’ tidak dihormati. Sebagai contoh limau dan jantung pisang tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik kerana *rogon* bilik akan marah. Apabila manusia melakukan sebarang kesalahan di dalam atau di luar rumah (biasanya diketahui apabila seseorang dalam keluarga berkenaan atau individu berkenaan tiba-tiba jatuh sakit), maka ritual penyembuhan perlu dilakukan dengan membuat persembahan korban kepada *rogon* di luar rumah.

Setiap individu mempunyai *rogon* masing-masing yang berada di luar tubuh seseorang individu yang berperanan sebagai ‘pengawas’ individu tersebut. Jantina *rogon* adalah sama dengan individu yang ‘dijaganya’. Oleh itu dipercayai juga bahawa perkahwinan berlaku di antara *rogon-rogon* ini yang menghasilkan anak-anak *rogon* pula.

3.4.4 Upacara Kepercayaan Tradisional

Upacara yang paling penting ialah *momigis sada tagazo* (menyiang ikan yang besar). Upacara ini sebenarnya adalah ‘human sacrifice’ yang dijalankan oleh sesebuah kampung setiap lebih kurang seratus tahun. Upacara ini dinamakan sedemikian kerana

perkara ini adalah sulit lebih-lebih lagi orang yang dikorbankan haruslah bukan daripada kaum Rungus. Upacara ini bertujuan untuk memberikan ‘kesuburan’ kepada tanah, manusia dan ternakan supaya lebih produktif.

Tiap-tiap kampung akan berusaha melakukan pengorbanan ini apabila *bobolizan* dan pemimpin-pemimpin tempatan sependapat bahawa mereka perlu melakukannya. Sebaik sahaja dimaklumkan kepada penduduk kampung, mereka mengadakan sekatan (berupa pagar) di jalan-jalan masuk ke kampung itu supaya orang luar tidak masuk ke kampung berkenaan sewaktu upacara itu berlangsung. Dalam masa yang sama, penduduk kampung itu diwajibkan tidak keluar daripada kampung tersebut. Ini bertujuan untuk menjamin ‘berkat’ pengorbanan itu diperolehi sepenuhnya oleh penduduk kampung itu sahaja.

Orang yang dipilih biasanya diculik kemudian dikurung selama lebih kurang seminggu dengan diberi makan buah-buahan sahaja (for purification). Selepas itu ia akan ‘dimatikan’ dengan cara mengikatnya pada pokok kemudian seluruh penduduk kampung berkenaan akan menetaknya berganti-ganti dimulai oleh *bobolizan*, pemimpin tempatan, orang-orang tua, dewasa dan kanak-kanak. Mayat kemudian akan dihancurkan dengan menetaknya hingga lumat dan bercampur dengan tanah. Bahagian kepala tidak diapakan. Kepala itu akan dibawa balik untuk disentuhkan kepada yang tidak berada di upacara itu. Dipercayai dengan melibatkan semua penduduk akan mengembalikan kesuburan-kesuburan yang diperlukan. Mengikut maklumat yang pengkaji terima, upacara ini ada dijalankan di beberapa kampung Rungus kira-kira 60 tahun yang lalu.

Amalan ini bagaimanapun telah dihentikan kerana semakin ketatnya penguatkuasaan undang-undang oleh pemerintah British.

Selain itu, upacara penyuburan ini juga dilakukan di peringkat keluarga iaitu sekali dalam tempoh kira-kira 10 tahun. Ini melibatkan penyembelihan babi yang besar. Upacara penyuburan tahunan juga diadakan tetapi dengan jumlah binatang korban yang lebih kecil dan sedikit. Semua ini bertujuan untuk memohon berkat supaya tanaman akan berhasil. Pada akhir musim menuai, upacara seumpama ini juga dijalankan dan ditambah dengan pembikinan tapai iaitu minuman tradisional. Upacara seperti perkahwinan dan upacara mengingati kematian juga dijalankan selepas musim menuai.

3.4.5 Kristianisasi

Pada hari ini semakin ramai orang Rungus yang memeluk agama Kristian. Terdapat juga sedikit yang memeluk agama Islam. Pengkaji menganggarkan 70% beragama Kristian, 25% kepercayaan tradisional, 4% Islam dan 1% lain-lain.

Pada hari ini perkahwinan, merayakan harijadi, mengingati kematian, bahkan pesta menuai dijalankan melalui kakitangan agama yang bertanggungjawab terhadap anggota-anggota Kristian setempat.

Kemasukan agama Kristian telah mengubah cara hidup masyarakat Rungus secara langsung dan tidak langsung. Perubahan yang paling penting ialah perubahan dari segi agama. Agama Kristian telah menyediakan satu alternatif beragama. Sebagai kesannya, sebahagian besar ritual-ritual tradisional khususnya yang berhubung dengan

persembahan korban telah diabaikan sama sekali. Jika adapun upacara yang masih diamalkan, unsur-unsur sinkritisme telah berlaku. Sebagai contoh, paksi liang lahad masih diselarikan dengan paksi timur-barat tetapi kini ditandakan dengan salib (simbol agama Kristian) dan begitu juga dengan peraturan tidak meninggalkan liang lahad sehingga kerja menimbus selesai dilakukan. Pengamalan sedikit unsur-unsur kepercayaan tradisional dalam masyarakat Kristian dalam masyarakat Rungus hari ini bagaimanapun semakin berkurangan dari masa ke semasa. Pengaruh dan peranan *bobolizan* juga semakin dilupakan. Pada hari ini, *bobolizan* yang ada sekarang boleh dikatakan sebagai generasi yang terakhir. Generasi pada hari ini kebanyakannya lahir dalam keluarga Kristian dan mempunyai pengetahuan yang amat terhad tentang sistem kepercayaan tradisional. Adat-istiadat yang disandarkan kepada kepercayaan seperti ritual memulakan musim menanam padi telah diabaikan. Walau bagaimanapun, sistem adat yang disandarkan kepada budaya seperti sistem persanakan, pembahagian harta, proses perkahwinan dan kelengkapan serta cara berpakaian tradisional masih tetap terpelihara.

3.5 Perubahan Sosial Masyarakat Rungus

Istilah pemodenan boleh menjadi istilah yang paling tepat untuk menjelaskan perubahan sosial yang telah dan sedang dialami oleh masyarakat Rungus hari ini.

Sehingga tahun 1960an, kaum Rungus seolah-olah meletakkan masa depan politik dan ekonomi mereka di tangan orang lain (Appell, 1985: 127). Pada masa ini perubahan yang dialami oleh orang-orang Rungus sebahagian besarnya akibat

pertembungan dengan agen-agen perubahan yang secara tidak langsung turut membawa unsur-unsur modernisasi. Ada beberapa agen perubahan yang cuba mengintegrasikan masyarakat Rungus dengan sosial, politik dan ekonomi di luar masyarakat ini. Agen-agen ini adalah pihak pemerintah, mualigh Kristian dan orang Cina.

Peranan British North Borneo Company (BNBC)

Campurtangan langsung pihak pemerintah dalam masyarakat Rungus bermula semasa pemerintahan British North Borneo Company (BNBC) atau Chartered Company (1881-1946). Bagaimanapun campurtangan pada masa ini terhad kepada penguatkuasaan undang-undang melalui pengiktirafan ketua-ketua kampung. Menurut Tregonning, (1965: 103) sebab utama pihak BNBC memberikan pengiktirafan ini ialah mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk menubuhkan anggota keselamatan untuk menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu adalah lebih baik bagi mereka untuk bekerjasama dengan institusi tempatan bagi menjaga keamanan dan kepentingan mereka. Kegiatan lanun di perairan Borneo Utara khususnya di Teluk Marudu juga mendorong pihak BNBC mengukuhkan hubungan dengan sistem kawalan tempatan. Selain itu, kakitangan utama dalam BNBC juga terdiri daripada sarjana-sarjana universiti berprestij seperti Oxford dan Cambridge yang telah menganggap Borneo Utara sebagai lapangan kerjaya mereka. Oleh itu mereka lebih mengamalkan sikap bersimpati terhadap penduduk tempatan berbanding dengan pegawai penjajah. (Tregonning, 1965: 103). Bagaimanapun maksud tersirat tindakan BNBC ini ialah sebagai sebahagian daripada usaha untuk melindungi kepentingan-kepentingan ekonomi mereka di Borneo Utara.

Pengiktirafan kepada ketua-ketua kampung ini diperkuuhkan dengan pemberian elaun sebanyak 5 dolar sebulan. Kekuasaan ketua kampung telah dikukuhkan lagi dengan terbentuknya Ordinan 1891 yang menjadi asas sistem pentadbiran kampung. Di bawah ordinan ini, kuasa dan tanggungjawab ketua kampung diperincikan kepada hal-hal seperti melaporkan kehadiran penjenayah, pencuri dan banduan di kawasan mereka, menyiasat kes kematian yang luar biasa dan melaporkan kepada majistret jika perlu. Ketua kampung juga harus mengetuai kawalan keselamatan kampung, pembahagian tanah, menyelia tapak pembinaan rumah serta menggalakkan semangat berusaha kepada anak buahnya. Ketua kampung juga berkuasa melarang sebarang unsur-unsur perhambaan di kawasannya.

Walau bagaimanapun, apabila melibatkan kes yang berat seperti kematian, ketua kampung tidak dibenarkan mengendalikannya. Appell (1967) melaporkan bahawa sebelum pemerintahan Chartered Company, orang-orang Rungus melalui ketua-ketua kampung (*vozoon*) menggunakan adat kampung untuk menyelesaikan kes yang melibatkan kematian. Mengikut salah seorang ‘key informant’ pengkaji, bentuk hukuman tersebut ialah membayar denda sebanyak 40 gong *kumanis* (gong yang dibuat daripada tembaga) yang dianggarkan bernilai RM3000.00 hingga RM4000.00 tiap-tiap satu pada hari ini. Hukuman itu dianggap sangat berat. Kejadian pembunuhan sebenarnya adalah suatu yang jarang berlaku di kalangan masyarakat Rungus sendiri. Bagaimanapun kejadian memburu kepala (headhunting) memang berlaku khususnya di antara kaum Rungus dan kaum Lotud di Daerah Tuaran. Appell (1972) melaporkan bahawa amalan ini bagaimanapun telah dihentikan sebelum kedatangan British, mungkin disebabkan oleh pengaruh ‘coastal Muslim’.

Oleh sebab keinginan Chartered Company mengawal keselamatan demi menjaga kepentingan pelaburan mereka di kawasan Rungus, seperti perladangan tembakau, di selatan Teluk Marudu, Pulau Banggi dan kawasan lain di Daerah Kudat (Appell, 1976: 6), telah menyebabkan kes-kes berat (seperti melibatkan kematian) diambilalih oleh majistret atau Mahkamah Anak Negeri. Ketua-ketua kampung tidak dibenarkan menyelesaikan kes-kes berat.

Kuasa ketua kampung ini dipinda dari masa ke semasa melalui pemaktuban ordianan baru seperti Village Administration Proclamation 1913 dan Native Administration Ordinance 1937. Bagaimanapun semangat asal arahan ini masih sama iaitu menambahkan kuasa dan memberikan pengesahan kepada ketua-ketua kampung sepanjang pemerintah BNBC.

Sebelum 1912 ketua-ketua kampung dilantik oleh Presiden atau Pegawai Daerah dengan Perakuan Governor. Sistem penggredan ketua kampung kepada dua gred (kemudiannya tiga) diperkenalkan pada 1912. Ini berikutan dengan adanya ketua-ketua kampung yang tidak menjalankan tugas mereka dan terdapat juga yang didapati mendakwa diri sendiri sebagai ketua kampung untuk mendapatkan elau sebanyak 5 dolar sebulan. Oleh itu setiap daerah akan dilantik seorang Native Chief (Ketua Anak Negeri) dan dibantu oleh satu atau dua orang Native Chief Representative (Wakil Ketua Anak Negeri) oleh Governor. Ketua-ketua kampung berpeluang meningkatkan kedudukan mereka kepada Native Chief dengan menunjukkan prestasi yang baik. Kenaikan pangkat juga akan dipertimbangkan selepas berkhidmat selama dua tahun

dengan memuaskan dan telah mencapai jumlah elau sebanyak \$240 (dolar) selama dua tahun tersebut (Tregonning, 1965: 110).

Selain daripada menguatkuasakan sistem adat tempatan (melalui perbicaraan kampung atau di mahkamah anak negeri), ketua kampung juga dikehendaki untuk mengutip cukai kepala. Cukai ini akan menjadi sebahagian pendapatan negara (BNBC) dan pemungutan ini menunjukkan penduduk tempatan adalah dilindungi oleh BNBC.

Walaupun pada dasarnya BNBC mempunyai keinginan untuk mempertahankan tanah milik tempatan (umpamanya melalui Undang-undang Tanah 1903 yang memberi hak tanah bertulis kepada penduduk tempatan), namun pada dekad berikutnya permintaan tinggi ke atas getah telah memaksa pihak BNBC mempertimbangkan permintaan pelabur Eropah dan pekebun kecil Cina yang mahukan tanah untuk memenuhi perkembangan perusahaan getah. Ini seterusnya telah mengubah pandangan penduduk tempatan bahawa mereka juga harus memohon tanah persendirian untuk disewakan kepada pelabur Eropah dan Cina (Tregonning, 1965: 121). Hasilnya menjelang 1937, permohonan mendapatkan tanah dari penduduk tempatan semakin banyak. Ini ditambah lagi dengan pindaan undang-undang tanah yang memberikan kelonggaran penyewa untuk mengerjakan tanah penduduk tempatan untuk pengeluaran padi tanpa sewa selama enam tahun. Kelonggaran demi kelonggaran yang diberikan untuk mengejar peluang ekonomi ini akhirnya diikuti dengan membebaskan pergerakan orang asing (termasuk Cina) di seluruh kawasan pedalaman Borneo Utara, membentarkan pembukaan kedai orang asing (Cina) serta menggalakkan pembangunan pertanian melalui penghapusan hak eksklusif penduduk tempatan. Walaupun campurtangan ekonomi asing (Cina, BNBC dan pelabur Eropah) di

kawasan pedalaman adalah jelas, tetapi kuasa yang diberikan kepada Ketua-ketua Anak Negeri menyebabkan penduduk tempatan seolah-olah mendapat jaminan bahawa hak mereka sentiasa terpelihara (Tregonning, 1965: 111).

Dapatlah disimpulkan bahawa penglibatan BNBC pada peringkat ini adalah didorong oleh keinginan mereka untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka di kawasan orang-orang Rungus. Usaha yang bertujuan untuk membangunkan masyarakat setempat dalam ertikata yang sebenar tidak diberikan perhatian sama sekali. Apa yang berlaku ialah penglibatan BNBC adalah semata-mata mendedahkan kaum Rungus kepada unsur-unsur luar khususnya daripada segi perundangan.

Tahun-tahun selepas 1900 menyaksikan bagaimana pentadbiran British memainkan peranan yang lebih luas terhadap proses perubahan masyarakat Rungus. Kemasukan orang-orang Cina dari Hong Kong bermula pada 1883 dan kemasukan mualigh Kristian dari Basel Mission pada 1951 telah meluaskan lagi spektrum perubahan politik dan perundangan pada 1881 kepada perubahan dalam bidang ekonomi dan juga sosial.

Peranan Orang Cina

Hubungan China dengan Sabah atau sebelumnya dikenali sebagai British North Borneo telah bermula sejak kurun ke-13. Walau bagaimanapun pada abad ke-19 telah bermula usaha-usaha pihak British untuk menempatkan orang-orang Cina di persisiran pantai Borneo (Hill, 1990). Terdapat dakwaan (lihat Tregonning, 1965: 149 dan Chee, 1982: 6-8) bahawa British North Borneo Company (BNBC) telah mengadakan rundingan

dengan pihak Basel Mission di Hong Kong untuk mendapatkan orang-orang Hakka beragama Kristian dari Guongdong, China untuk ditempatkan di Kudat yang kemudiannya dijadikan ibu negeri oleh pihak BNBC. Menurut Tregonning (1965: 149), kerajaan BNBC turut memberikan sokongan terhadap kemasukan kaum Cina ke Sabah yang dilakukan melalui penglibatan Basel Mission Society yang mempunyai hubungan yang kuat dengan suku Hakka di Wilayah Canton. Menurut beliau pada 1913, lebih kurang 600 orang Cina telah dibawa masuk ke Sabah dan menetap di Kudat, Inanam, Menggatal dan Telipuk. Bagaimanapun, rekod di Arkib Basel Mission tidak menunjukkan adanya persetujuan atau rundingan tersebut dan ‘rundingan’ ini sebenarnya adalah inisiatif peribadi Mubaligh Rudolph Lechler (Hill, 1990). Pada 1883 lebih 10 keluarga Cina yang terdiri daripada 96 orang tiba di Kudat. Ini diikuti oleh 27 keluarga yang ditempatkan di Lausanba pada 1886. pada 1889, 13 keluarga lagi tiba dan tinggal di Sinsanba juga dalam Daerah Kudat (Oades, 1961: 64).

Tujuan utama pihak BNBC membawa orang Hakka ialah untuk mewujudkan satu masyarakat petani yang boleh membangunkan Sabah di kawasan yang kurang berpenduduk. Penduduk Sabah pada 1921 hanya 197,000 (Regis, 1988). BNBC mahukan satu kelompok pemilik tanah dan pekebun kecil yang bebas (Hill, 1990). Individu yang lebih berjaya kemudiannya mendapat 200 ekar daripada pentadbiran BNBC yang lebih jauh daripada petempatan yang lebih awal. Pertumbuhan petempatan Cina lebih berkembang lagi dengan sikap ‘murah hati’ BNBC. Pada pertengahan 1930an, mereka diperuntukkan tanah hingga seluas 15 ekar (6 hektar) dengan pajakan selama 999 tahun manakala anak lelaki diberikan tanah tanpa premium sebaik sahaja lahir. Tanaman yang diusahakan daripada tahun 1890an ialah kopi, teh, pinang, lada

putih, gambir dan kelapa manakala getah mula ditanam pada 1910 (British North Borneo Herald Official Gazette, 1912).

Masyarakat Cina menguasai sebahagian besar kegiatan ekonomi di kawasan Kudat melalui pembukaan kedai runcit, perladangan, kilang dan syarikat impot-ekspot (Appell, 1985: 129). Berbanding dengan amalan pemilikan tanah orang-orang Rungus, orang Cina amat berminat untuk mendapat hak milik tanah daripada pihak kerajaan untuk tujuan perladangan. Akibatnya banyak kawasan (tanah) Rungus yang dianggap oleh pihak pemerintah sebagai tiada pemilik sah telah jatuh ke tangan orang Cina. Orang-orang Rungus kemudiannya diambil bekerja secara bermusim (terutama selepas musim menuai) di ladang-ladang ini. Dengan lain perkataan, ladang-ladang milik orang Cina ini kemudiannya menjadi sumber pertama orang-orang Rungus mendapatkan tunai. Adalah menjadi suatu amalan kaum lelaki pada sekitar 1940an hingga 1960an untuk bekerja di ladang kelapa milik orang Cina setiap kali berakhirnya musim menuai. Upah yang diperolehi kemudiannya dibelanjakan pula di kedai orang Cina. Selain itu, pekedai-pekedai Cina juga merupakan agen pemasaran yang penting di luar bandar samada sebagai orang tengah menjual hasil luar bandar seperti jagung dan padi atau sebagai pemilik kenderaan (perahu atau kereta) dalam bidang pengangkutan.

Pendeknya, daripada perspektif ekonomi moden, penglibatan orang Cina dalam kegiatan perladangan dan pemilikan tanah telah membawa satu dimensi baru dalam kegiatan ekonomi kaum Rungus. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai agen perubahan malah mereka juga turut memperkenalkan ekonomi wang kepada masyarakat Rungus. Bagaimanapun peranan mereka adalah lebih kurang dengan BNBC iaitu,

penglibatan mereka adalah semata-mata untuk kepentingan diri dan sumbangan mereka kepada pemerintah dan sukar dilihat sebagai penyumbang pembangunan kepada masyarakat Rungus.

Seperti yang dijelaskan lebih awal, sistem pemilikan tanah Rungus yang tidak memperuntukkan pemilikan tetap dan persendirian menyebabkan amalan tanaman berladang tidak mungkin dapat dijalankan. Selain itu, terdapat juga kepercayaan tradisional yang tidak menggalakkan penanaman sesetengah tanaman komersial seperti kelapa. Cara menanam kelapa yang menggunakan cangkul dan mengorek agak dalam hingga ke lapisan tanah merah, dilihat sebagai satu perbuatan yang bersamaan dengan menggali lubang kubur. Dengan kata lain, menanam kelapa ialah seperti menguburkan seseorang dan menimbulkan hukum adat sebagai *kuriva* iaitu adat yang mengaitkan sesuatu perbuatan seolah-olah mengkehendaki seseorang meninggal. Adat resam ini bagaimanapun mula diabaikan apabila para mualigh Kristian mula mengembangkan agama Kristian di luar bandar khususnya di kawasan Rungus.

Peranan Mualigh Kristian

Hubungan antara pihak Basel Mission dan orang-orang Kristian Hakka di Kudat yang berasal dari Hong Kong dan Wilayah Canton di China memang telah terjalin sejak abad ke-18 (Majupi, 1977). Usaha-usaha Basel Mission untuk menjaga kebajikan beragama masyarakat Cina diteruskan juga di daerah Kudat. Selepas Perang Dunia Kedua, Basel Mission telah menghantar Rev. H. Bienz untuk bertugas di kalangan orang-orang Cina di Kudat. Pada 1951, Rev. H. Bienz menyedari bahawa terdapat juga orang-orang Rungus yang tinggal di Daerah Kudat di luar bandar. Keinginan beliau untuk

menyebarluaskan agama Kristian di kalangan kaum Rungus telah dilaporkan kepada Evangelical Missionary Society di Basel, Switzerland.

Pada 23 November 1952, Rev. H. Honegger telah dihantar oleh Basel Mission untuk memulakan penyebaran Kristian di kalangan kaum Rungus. Menjelang 24 Disember 1953, pembaptisan¹ yang pertama telah dijalankan di kalangan kaum Rungus di Kampung Masangkung, Kudat.

Dalam menjalankan kerja-kerja penyebaran agama Kristian, para mubaligh menggunakan empat kaedah iaitu:

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa Ketua Kampung (Headmen's Council),
- (b) Menyediakan tempat latihan, kursus dan persekolahan awal dan ,
- (c) Menyediakan kemudahan asrama untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, dan
- (d) Menyediakan kemudahan kesihatan (dispensary).

Melalui keempat-empat kaedah ini para mubaligh telah berusaha untuk mengintegrasikan masyarakat Rungus dengan pembangunan dari pelbagai aspek seperti ekonomi rumah tangga, pendidikan, kesihatan, kemahiran, pertanian dan sebagainya. Peranan dan kegiatan yang dijalankan oleh keempat-empat kaedah tersebut adalah seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Ketua Kampung (Headmen's Council)

Menyedari kepentingan menghormati sensitiviti penduduk tempatan terhadap ‘orang luar’, para mubaligh telah mengambil langkah berhati-hati dengan memaklumkan terlebih dahulu kepada sekumpulan ketua kampung sebelum memulakan kegiatan mereka di kalangan kaum Rungus. Pada 11 Disember 1952, mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah berlangsung di Sikuati, Kudat yang dihadiri oleh 45 orang. Melalui siri mesyuarat seperti ini, para mubaligh telah memperolehi kebenaran daripada ketua-ketua kampung untuk melawat kampung mereka.

Bermula daripada lawatan-lawatan ini, maka semakin ramai kaum Rungus yang menganut agama Kristian. Pendeknya Jawatankuasa Ketua Kampung merupakan organisasi penting yang membolehkan para mubaligh mendekati kaum Rungus. Tambahan pula penjajah Inggeris pada masa tersebut tidak mempunyai halangan terhadap kegiatan para mubaligh ini. (H. Honegger (Rev.), 1977).

(b) Menyediakan Tempat Latihan, Kursus dan Persekolahan Awal.

Di bawah program ini penduduk tempatan diberikan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan sesuai dengan kemampuan mereka. Pada mulanya kelas mengenal huruf dikendalikan oleh dua orang mubaligh tetapi hanya lapan orang dewasa yang mengikutinya. Tidak lama kemudian tiga jenis sekolah telah dibuka iaitu sekolah rendah, sekolah pertanian (farm school) (1962) di Kg. Tinangol dan sekolah sains rumah tangga (domestic science school) (1965) juga di Kg. Tinangol. Sekolah pertanian dibuka khusus untuk memberikan tunjuk ajar kepada para pemuda kaum Rungus tentang teknik-teknik

(a) Jawatankuasa Ketua Kampung (Headmen's Council)

Menyedari kepentingan menghormati sensitiviti penduduk tempatan terhadap ‘orang luar’, para mubaligh telah mengambil langkah berhati-hati dengan memaklumkan terlebih dahulu kepada sekumpulan ketua kampung sebelum memulakan kegiatan mereka di kalangan kaum Rungus. Pada 11 Disember 1952, mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah berlangsung di Sikuati, Kudat yang dihadiri oleh 45 orang. Melalui siri mesyuarat seperti ini, para mubaligh telah memperolehi kebenaran daripada ketua-ketua kampung untuk melawat kampung mereka.

Bermula daripada lawatan-lawatan ini, maka semakin ramai kaum Rungus yang menganut agama Kristian. Pendeknya Jawatankuasa Ketua Kampung merupakan organisasi penting yang membolehkan para mubaligh mendekati kaum Rungus. Tambahan pula penjajah Inggeris pada masa tersebut tidak mempunyai halangan terhadap kegiatan para mubaligh ini. (H. Honegger (Rev.), 1977).

(b) Menyediakan Tempat Latihan, Kursus dan Persekolahan Awal.

Di bawah program ini penduduk tempatan diberikan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan sesuai dengan kemampuan mereka. Pada mulanya kelas mengenal huruf dikendalikan oleh dua orang mubaligh tetapi hanya lapan orang dewasa yang mengikutinya. Tidak lama kemudian tiga jenis sekolah telah dibuka iaitu sekolah rendah, sekolah pertanian (farm school) (1962) di Kg. Tinangol dan sekolah sains rumah tangga (domestic science school) (1965) juga di Kg. Tinangol. Sekolah pertanian dibuka khusus untuk memberikan tunjuk ajar kepada para pemuda kaum Rungus tentang teknik-teknik

pertanian moden khususnya cara menanam tanaman jangka panjang dan pendek seperti kelapa, getah, dan sayur-sayuran, menternak binatang dan pertukangan kayu. Sekolah sains rumah tangga pula dikhkususkan untuk remaja wanita. Di sekolah ini mereka diajar memasak, menjahit, pengurusan ekonomi rumah tangga, kebersihan diri dan keluarga dan pertanian asas. Pada 1965, tiga buah sekolah rendah telah selesai dibina di kawasan Rungus iaitu di Kg. Lodung, Kg. Lajung dan Kg. Tinangol sendiri. Pada Januari 1965, ketiga-tiga sekolah rendah ini telah mula menerima kemasukan pelajar-pelajar tahun pertama dan kedua mengikut usia murid-murid berkenaan. Pada peringkat awal, ketiga-tiga jenis sekolah ini dijalankan sepenuhnya oleh kakitangan Basel Mission (mubaligh).

Menjelang penghujung 1960an fungsi sekolah pertanian ini ditambah secara berperingkat-peringkat sebagai sebuah sekolah belajar Alkitab (Bible School). Ini kerana pertambahan bilangan penganut Kristian telah menyebabkan berlaku kekurangan kakitangan untuk menjalankan ritual-ritual keagamaan.

Pada 1992 peranan sekolah sains rumah tangga telah diubahsuai menjadi pusat latihan krafangan kepunyaan gereja. Ini kerana pihak gereja berpendapat peningkatan taraf hidup, pengaruh modenisasi dan peluang pendidikan yang lebih luas menyebabkan silabus pendidikan di sekolah tersebut tidak lagi mendapat sambutan. Walau bagaimanapun peranan tiga buah sekolah rendah tersebut tidak berubah. Pada hari ini sekolah-sekolah tersebut ditadbir dan dijalankan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Pendidikan Sabah dan pihak gereja hanya mengekalkan pegangannya ke atas tapak dan bangunan asal sekolah.

Ketiga-tiga institusi pendidikan ini yang telah didirikan di kawasan luar bandar telah mempercepatkan proses pembangunan pendidikan dan bidang berkaitan dalam masyarakat Rungus. Bahkan sekolah-sekolah rendah yang didirikan oleh mubaligh adalah antara sekolah rendah yang terawal didirikan di luar bandar khususnya di Daerah Kudat. Sekolah-sekolah rendah kerajaan hanya mula dibina di kawasan perkampungan Rungus menjelang akhir tahun 1970an dan awal 1980an. Di Kg. Panudahan misalnya, sekolah rendah dibuka pada 1982.

(c) Menyediakan Asrama untuk Pelajar Sekolah Menengah

Inisiatif untuk membina asrama ini timbul apabila semakin ramai pelajar yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah di pekan Kudat. Pada 1958 asrama mubaligh ini merupakan sebuah pondok yang hanya mampu menampung lima orang penuntut sahaja. Dengan kerjasama pihak Basel Mission, bangunan-bangunan asrama tambahan dan bangunan yang dipinjamkan telah digunakan dan menjelang 1971 bilangan pelajar telah bertambah kepada 75 orang (Achin Marudu, 1977). Selepas para mubaligh kembali ke negara asal masing-masing pihak PCS terus mengembangkan program pembukaan asrama ini. Menjelang 1990, bilangan penuntut yang tinggal di asrama-asrama PCS di Kudat, Sikuati, Kota Marudu dan Pitas adalah sekitar 700 orang pelajar.

Langkah penyediaan asrama ini telah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar khususnya kaum Rungus untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah tanpa menghadapi masalah tempat tinggal. Peranan penyediaan asrama ini bukan sahaja meluaskan lagi peluang pendidikan tetapi juga telah dapat mempercepatkan proses pembangunan pendidikan masyarakat luar bandar.

(d) Menyediakan Kemudahan Kesihatan (Dispensari)

Satu lagi cara para mubaligh untuk menjalankan kegiatan mereka (ministry) di kalangan kaum Rungus ialah dengan mendirikan dispensari. Seperti klinik kesihatan pada hari ini, dispensari ini bukan sahaja menyediakan perkhidmatan rawatan tetapi juga menyediakan pemeriksaan ke atas ibu mengandung, kanak-kanak, pendidikan pemakanan dan penjagaan kesihatan. Sebanyak empat buah dispensari didirikan oleh mubaligh di luar bandar sepanjang 1960an iaitu di Sikuati, Kudat (1957), Kg. Tinangol, Kudat (1964), Kg. Pantai, Beluran (1966) iaitu kampung terpencil di bahagian pantai timur Sabah dan Kg. Dandun, Pitas (1968). Bangunan dispensari di Sikuati sebenarnya adalah bangunan milik kerajaan yang dibina oleh Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada 1957. Bangunan ini diserahkan kepada pihak mubaligh oleh kerajaan British untuk digunakan sebagai dispensari. Seperti institusi pendidikan yang telah didirikan lebih awal, kakitangan dispensari ini juga adalah terdiri daripada jururawat yang berkhidmat dengan pihak Basel Mission. (Protestant Church in Sabah (PCS) 1952-1977, 1977: 31-37).

Usaha pihak Basel Mission di Switzerland untuk mengembangkan agama Kristian khususnya di kalangan kaum Rungus, bukan sahaja memberikan alternatif kepada kepercayaan animisme yang diamalkan oleh kaum Rungus tetapi juga telah membawa pelbagai bentuk pembangunan. Pembangunan yang diterima secara langsung ialah kemudahan pendidikan, kesihatan dan kemudahan asrama. Pembangunan yang diterima secara tidak langsung ialah melalui penerimaan dan pendedahan terhadap ilmu pertanian moden, penternakan, pertukangan kayu, pengurusan rumah tangga, kemahiran wanita dan

sebagainya. Semua pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh lepasan institusi pendidikan yang didirikan oleh mubaligh sudah tentu secara tidak langsung telah membuka fikiran masyarakat Rungus pada ketika itu bahawa masih ada ruang lagi untuk mereka meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Jadual 3.5

Klinik Bergerak di Sekitar Kawasan Kajian Yang Dijalankan Oleh Pusat Kesihatan Tinangol Pada Bulan Ogos 1996 Hingga Bulan Disember 1996.

Tarikh	Masa	Tempat	Kampung-kampung terlibat
13.8.1996	8.30am	Balairaya Kg. Rita	Kg. Novusung
10.9.1996			Kg. Rita
8.10.1996			Kg. Panudahan Jambu
12.11.1996			Kg. Buranak Silad
10.12.1996			
20.8.1996	8.30am	Dewan Serbaguna	Kg. Suangsuka
17.9.1996		Kg. Indarason Laut	Kg. Dandulit
15.10.1996			Kg. Indarason Laut
19.11.1996			Kg. Indarason Darat
17.12.1996			Kg. Tuhanu

Sumber: Pusat Kesihatan Tinangol, Kudat, Sabah. (Sumber tidak diterbitkan)

Nota: Nama kampung yang berhuruf gelap merupakan kampung di mana kajian dilakukan. Kg. Tinangol tidak termasuk dalam perkhidmatan ini kerana pusat kesihatan adalah berdekatan dengan kampung tersebut.

Peranan yang dimainkan oleh pihak pemerintah khususnya pihak BNBC, kaum Cina dan para mubaligh sebenarnya telah meletakkan satu asas yang membolehkan pembangunan dapat diteruskan di kawasan ini. Persoalan yang perlu diselesaikan ialah setakatmanakah perubahan sikap dan usaha masyarakat Rungus sejak ketiga-tiga latar pembangunan tersebut mula dirasai? Persoalan kedua ialah sejauhmanakah agen-agen

pembangunan selepas merdeka berjaya dalam misi mereka membangunkan masyarakat luar bandar? Bab-bab seterusnya akan memberikan tinjauan keatas konsekuensi perubahan-perubahan sosial ini terhadap masyarakat Rungus.

3.6 Kesimpulan

Bahagian ini telah memberikan penjelasan tentang keadaan hidup masyarakat tradisional kaum Rungus. Walaupun amalan-amalan tradisional terutama yang berhubungkait dengan kepercayaan tradisional semakin dilupakan tetapi masyarakat ini masih kuat berpegang kepada adat-istiadat yang masih diperturunkan hingga sekarang. Adat-istiadat perkahwinan masih dipertahankan walaupun peranan *bobolizan* telah diambil alih oleh paderi-paderi gereja. Begitu juga dengan larangan keras memanggil atau menyebut nama mentua dan adik/kakak/abang ipar masih dipertahankan.

Masyarakat Rungus pada umumnya telah mula melalui proses perubahan dan pembangunan yang bermula apabila British North Borneo Company (BNBC) memulakan kegiatan ekonominya secara rasmi di Sabah. Samada secara langsung atau tidak BNBC juga telah berperanan untuk membawa kemasukan orang Cina dan mualigh Kristian di Sabah dan khususnya di kawasan masyarakat Rungus. Kedua-dua agen ini kemudiannya menggiatkan lagi perubahan dalam masyarakat Rungus. Orang-orang Cina membawa perubahan itu melalui penglibatan mereka dalam perladangan dan seterusnya menggiatkan penggunaan matawang kepada masyarakat Rungus melalui kegiatan perniagaan runcit dan pembelian hasil-hasil kampung. Peranan BNBC dan orang Cina bagaimanapun lebih banyak menjurus kepada membawa perubahan kepada masyarakat Rungus (dan bukan pembangunan). BNBC memperkenalkan sistem perundangan barat

yang diintegrasikan dengan adat-istiadat tempatan sebagaimana yang terdapat dalam Mahkamah Anak Negeri. Orang Cina pula memperkenalkan matawang dalam urusan harian masyarakat Rungus. Para mubaligh pula memperluaskan skop peranan mereka daripada menyebarkan agama sahaja kepada peranan membangunkan masyarakat ini daripada segi sosio-ekonomi. Sumbangan pembangunan para mubaligh Kristian dapat dilihat dalam aspek pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi. Para mubaligh sebenarnya telah memulakan program pembangunan dalam masyarakat Rungus.

Peranan para mubaligh secara langsung selesai apabila mubaligh yang terakhir diarah meninggalkan Sabah pada 1974². Bagaimanapun peranan mereka telah diteruskan oleh masyarakat Rungus sendiri. Peranan kaum Cina masih sama tetapi dengan pengaruh yang lebih kuat terhadap kegiatan ekonomi. Peranan pemerintah diambilalih oleh orang tempatan apabila Sabah merdeka pada 16 September 1963. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan titik akhir penglibatan penjajah di Sabah.

Sama ada mahu atau tidak, perubahan tetap akan berlaku. Persoalannya, sejauhmanakah masyarakat Rungus dapat menangani perubahan-perubahan ini agar perubahan ini akan memberikan manfaat dan bukan sebaliknya.

Nota Kaki.

1. Gereja Protestan di Sabah telah memulakan usaha membenci kaum Rungus yang berada di Kota Kinabalu kerana kebanyakan Rungus di Kota Kinabalu telah menjadi Kristian melalui gereja ini.
2. Permit kerja para mubaligh Kristian telah tidak diperbaharui semasa pemerintahan USNO (United Sabah National Organisation) di bawah kepimpinan Tun Mustapha.